

16 / 11 / 2021
mc : 48
B. HARIAN

Kiribati benar aktiviti perikanan di taman laut

Wellington: Negara Pasifik, Kiribati, semalam mempertahankan rancangannya untuk membuka satu daripada rizab marin terbesar di dunia kepada industri perikanan.

Negara kepulauan itu turut menafikan kenyataan pihak tertentu bahawa tindakan membuka kawasan terumbu karang yang dilindungi itu dilakukan atas tekanan China.

Aktivis alam sekitar mengkritik China melakukan 'neokolonialisme' atau penjajahan secara berselindung di mana negara kaya menawarkan pinjaman atau hutang dan mengeksplorasi tanah, sumber asli serta tena-

ga buruh negara miskin sebagai ganti.

Cadangan itu akan mengancam penyenaraian Warisan Dunia bagi Kawasan Terlindung Kepulauan Phoenix, sebuah taman laut seluas Greenland yang terletak di antara New Zealand dan Hawaii.

Ia merangkumi kawasan seluas kira-kira 408,000 kilometer persegi taman laut yang menjadi ekosistem terumbu karang serta ekosistem lautan yang menyokong kehidupan laut seperti tuna, penyu, ikan terumbu dan jerung.

Ia pernah diisyiharkan sebagai zon larangan tangkapan ikan

pada 2015, sekali gus menghalang kapal nelayan komersial daripada beroperasi di perairan yang bersih itu.

Bagaimanapun, kerajaan Kiribati berkata ia merancang untuk menarik balik larangan itu bagi 'menggunakan sumber marin secara mampan'.

"Ia amat jelas memperlihatkan dasar pembangunan yang logik pada permulaan, bagaimanapun dasar inovatif dan bertujuan baik tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa rakyat Kiribati.

"Ini sangat mengelirukan, sangat tidak tepat dan memparmerkan naratif hipokrit biasa

yang didorong oleh 'ajaran neokolonial,' menurut kenyataan rasmi yang dikeluarkan.

Bagaimanapun, Kiribati, yang beralih kesetiaan hubungan diplomatik dari Taiwan kepada China pada 2019, pada minggu ini menafikan teguran pengkritik bahawa langkah itu didorong tekanan Beijing yang mahu membolot sumber ikan tuna di situ.

Kerajaan Kiribati berkata terdapat penurunan 'ketara' permohonan hak menangkap ikan di perairan Kiribati sejak taman itu diwujudkan, menyebabkan kehilangan pendapatan sehingga AS\$145 juta (RM603 juta) di nega-

ra dengan 110,000 penduduk.

Katanya, penangkapan ikan yang terurus lagi mampan akan mencapai keuntungan besar yang memanfaatkan rakyat dan alam semula jadi.

Bagaimanapun, bekas presiden Kiribati, Anote Tong, yang membantu mewujudkan taman laut itu, menyuarakan kebimbangan mengenai rancangan kerajaan.

"Ia bukan saja satu tampanan hebat untuk pemuliharaan tetapi pada saya, ia adalah tampanan yang lebih besar kepada kredibiliti kita sebagai sebuah negara," katanya kepada TVNZ.

AFP